

Cabaran Ketidaksetaraan Wilayah dalam Pencapaian Status Negara Berpendapatan Tinggi

*Prof Emeritus Dr Zakariah Abdul Rashid
Pengarah Eksekutif, MIER*

Dalam tahun 1989, untuk mengklaskan negara-negara di dunia, Bank Dunia (WB) menetapkan paras pendapatan negara kasar bagi negara berpendapatan tinggi pada nilai USD6000 per kapita dengan menggunakan harga asas 1987. Kemudian nilai ini untuk tahun-tahun berikutnya telah di sesuaikan dengan inflasi tahunan. Maka, nilai ini bagi tahun 2015 menjadi USD12,745. Pendapatan negara kasar (GNI) per kapita untuk negara berpendapatan tinggi akan meningkat dengan kadar tahunan lebih kurang USD240 setahun. Malaysia mula diletakkan berada di dalam kategori negara berpendapatan pertengahan-atas pada tahun 1992. Sejak itu ia kekal tidak dapat melepaskan diri untuk naik darjat daripada taraf tersebut. Ia terikat dalam perangkap pendapatan pertengahan. Bolehkah negara ini melepaskan dirinya dari perangkap tersebut menjelang 2020?

Dengan inflasi global yang sangat rendah kebelakangan ini, paras pendapatan negara berpendapatan tinggi yang ditetapkan oleh WB akan naik pada kadar yang kecil. Tambahan lagi, dengan ekonomi Malaysia tumbuh dengan kadar yang lebih pantas daripada kadar inflasinya, negara ini akan dapat melepaskan dirinya dari perangkap tersebut dengan lebih mudah. GNI per kapita Malaysia dijangka meningkat pada kadar USD640 setahun, satu kadar yang lebih pantas daripada yang di tetapkan untuk negara-negara berpendapatan tinggi. Perlu diingat, ini adalah kriteria Bank Dunia, yang bukan dari acuan sendiri seperti yang terserlah dalam Model Baharu Ekonomi (NEM). Kriteria NEM lebih ketat walaupun jika kita merujuk hanya kepada paras pendapatan.

Malaysia menasarkannya pada 2020 mencapai GNI per kapita USD15,000 untuk tergolong dalam kategori negara berpendapatan tinggi menurut kriteria Bank Dunia. Nilai tersebut adalah dalam sebutan *nominal*. Dengan hal yang sedemikian, maka selain daripada prestasi sebenar ekonomi, yang menjadi asas utama, pengaruh

penyusutan kadar tukaran Ringgit akan merumitkan pencapaian sasaran. Pengaruh perubahan harga umum bukan lagi menjadi pertimbangan kerana sasaran Bank Dunia dinyatakan dalam sebutan *nominal*. Pendapatan negara yang dianggar dalam sebutan Ringgit akan dinyatakan dalam sebutan Dolar Amerika Syarikat untuk dipadankan dengan kriteria ini. Ini bermakna, apa jua nilai GNI yang dijana oleh ekonomi Malaysia berdasarkan keupayaan asasnya, nilainya dalam sebutan USD akan menjadi kecil ketika kadar Ringgit lemah. Seterusnya, ia akan menjejaskan keupayaan mencapai sasaran tersebut.

Seperkara yang melegakan kita sedikit ialah sasaran itu disebut dalam per kapita. Dengan pertumbuhan penduduk yang semakin perlahan (kerana kadar kesuburan yang semakin rendah) pendapatan negara per kapita akan menjadi lebih besar, yang akan memudahkan pencapaian sasaran. Malaysia sedang menuju ke sebuah negara yang penduduknya sedang mengalami proses penuaan, implikasinya kepada ekonomi negara adalah satu perkara penting yang patut diberikan perhatian. Tetapi mari kita lupakan perkara ini buat seketika dan tumpukan kembali perhatian kita tentang pencapaian sasaran negara berpendapatan tinggi.

Mengambil perhatian kepada perubahan kadar tukaran Ringgit dan perubahan kadar kesuburan, akhirnya semua yang dibincangkan ini bergantung kepada keupayaan sebenar ekonomi Malaysia menjana GNI. Dan ini sesungguhnya bergantung kepada produktiviti. Perkara pokok ini perlu difahami dengan sesungguhnya, kerana dengannyalah kita akan mengatakan bahawa asas ekonomi (economic fundamentals) itulah yang menjadi penentu muktamad. Pada akhir sesuatu pertimbangan, perhatian kita harus dikembalikan kepada yang asas, yakni produktiviti; dengannya ia akan meningkat dengan asas ekonomi yang kukuh.

Dengan menggunakan angka NEM dan sasaran pertumbuhan enam peratus, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (harga tetap 2000) akan meningkat dari RM559.554 bilion dalam tahun 2010 ke RM1051.328 bilion dalam tahun 2020; dalam sebutan per kapita pula, dari RM19,564.8 ke RM31,447. Sedia di maklumi bahawa perbezaan istilah

KDNK dan GNI, beza perakaunan dari nilai 'pendapatan faktor bersih luar negara', boleh menambahkan lagi kekeliruan. Apabila kita berusaha mencapai sasaran NEM, kita menumpukan sepenuh perhatian kepada keupayaan sebenar asas ekonomi negara, sementara apabila kita berusaha mencapai sasaran WB, tumpuan kepada keupayaan asas ekonomi dikaburi oleh perubahan kadar tukaran Ringgit.

Sasaran NEM, dari awal-awal lagi, kelihatan sukar dicapai apabila jentera pertumbuhan tidak berupaya mencapai 6%, lantas kita beralih kepada sasaran WB USD15 ribu GNI per kapita. Dalam suasana kelesuan ekonomi global dan Asia Timur kini, kita masih yakin dapat mencapainya, malah setahun lebih awal dari itu, tahun 2019. Tetapi apabila harga minyak mentah jatuh menjunam dan kadar tukaran Ringgit merosot sebagai antara mata wang dunia yang paling terkesan, pencapaian sasaran WB juga kelihatan tercabar. Semakin rendah kadar tukaran Ringgit semakin sukar sasaran negara berpendapatan tinggi di capai. Jika kadar tukaran Ringgit kekal pada 4.00 hingga 4.30 bagi setiap USD, kita mungkin akan mencapainya pada antara 2025 hingga 2028.

Dalam pada itu, sedang kita mengatakan pencapaian negara berpendapatan tinggi di peringkat nasional, adakah kita pernah bertanya apa akan jadi kepada negeri-negeri dalam persekutuan Malaysia? Tidak banyak kita ketahui tentang gambaran negeri-negeri dalam persekutuan Malaysia apabila negara mencapai status negara berpendapatan tinggi. Kita sedar bahawa tahap pembangunan adalah tidak sekata di kalangan 14 negeri-negeri dalam persekutuan Malaysia. Buat ketika ini, ada negeri yang mendahului dan ada yang ketinggalan dari segi KDNK per kapita masing-masing. Misalnya, dalam tahun 2014, hanya lima daripada empat belas negeri melepasi paras nasional dengan WP Kuala Lumpur jauh mendahului sedang Kelantan jauh ketinggalan. Corak gambaran yang serupa dijangka akan berterusan menjelang 2020 nanti. Ini bermakna ada negeri yang akan mencapai status negeri berpendapatan tinggi menjelang 2020, ada yang telah pun mencapainya pada ketika ini, dan tidak kurang juga ada yang akan mencapainya selepas 2020. Corak gambaran pencapaian negara berpendapatan tinggi dijangka akan berterusan menjelang 2020 nanti. Ini bermakna,

kita akan menyaksikan antara lima atau enam buah negeri sahaja yang mencapai sasaran selari dengan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Negeri-negeri yang jauh ketinggalan mempunyai lompang yang amat besar. Jika ia dapat mencapainya itu akan terjadi sekitar 2035 hingga 2040. Negeri-negeri yang berada dalam kategori inilah yang sangat menimbulkan kebimbangan. Tetapi persoalan penting yang harus kita kemukakan ialah, adakah kita tahu di mana kita berada. Jika ya, tentunya kita merasa cemas kerana ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi, KDNK per kapita. Rencana ini dalam membincangkan cabaran ketidaksetaraan wilayah, menyentuh aspek pendapatan negara dan negeri-negeri sahaja. Aspek-aspek lain yang lebih penting seperti pendapatan isi rumah dan kemiskinan tidak disentuh kerana untuk memberi tumpuan kepada aspek di atas sahaja. Namun, gambaran yang selari dijangka dapat dikumpulkan dan ini adalah penting kepada pembangunan kerana pada akhirnya yang penting dalam kemajuan ekonomi yang diukur oleh GNI per kapita dapat diterjemahkan kepada kemajuan rakyat dalam bentuk pendapatan isi rumah yang tinggi, kadar kemiskinan yang rendah dan agihan pendapatan yang saksama. Tetapi, kemajuan ekonomi negara dan negeri tidak semestinya dituruti bersama dengan peningkatan kebajikan rakyat. Melainkan kita memperkenalkan sesuatu rancangan pengagihan yang berwibawa, ketidaksetaraan wilayah akan kekal bukan sahaja menjelang 2020 malah selepas tempuh tersebut. Ini adalah kerana negeri-negeri ini berada pada titik permulaan pembangunan yang berbeza dan kelihatan tumbuh dengan kadar yang juga berbeza.